

04 JAN 2002

DR MAHATHIR HADIR RUMAH TERBUKA POLIS DIRAJA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini menghadiri majlis rumah terbuka Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena Aidil Fitri.

Turut hadir pada majlis yang diadakan di Pusat Latihan Polis (Pulapol) di sini ialah Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai serta Timbalannya Tan Sri Jamil Johari.

Majlis dimulakan dengan penyampaian cenderahati khas oleh sepasukan anggota polis yang berpakaian seragam polis mengikut peredaran perkembangan uniform polis kepada Perdana Menteri.

Majlis dimeriahkan dengan persembahan kombo dan kebudayaan daripada anggota-anggota polis serta anggota keluarga mereka.

Majlis turut dimeriahkan dengan pertunjukan bunga api serta nyanyian daripada artis-artis PDRM selain persembahan daripada pasukan pancaragam pusat PDRM.

Lebih 5,000 jemputan termasuk anggota polis daripada seluruh negara serta orang kenamaan menghadiri majlis itu.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan sumbangan hari raya kepada 80 orang anak yatim polis.

-- BERNAMA

AT HS FAZ